

PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

KENYATAAN SEBUT HARGA

- Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat tempatan yang memiliki Sijil **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** di bawah kod bidang dan sub-bidang yang dinyatakan yang masih sah dan berkuatkuasa dan berdaftar dengan **Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP)** bagi menyertai Sebut harga berikut :-

NO. KONTRAK	TAJUK SEBUT HARGA	BIDANG PENDAFTARAN & SYARAT KELAYAKAN	LAWATAN TAPAK/TAKLIMAT	TARIKH JUAL/ HARGA DOKUMEN SEBUT HARGA	TARIKH TUTUP
PBBPP/PP/Q9/2026	PERKHIDMATAN UNTUK PEMOTONGAN POKOK SERTA PEMBERSIHAN KAWASAN SEPANJANG LANDASAN FUNIKULAR DARI STESEN BAWAH SEHINGGA STESEN ATAS BUKIT BENDERA, PULAU PINANG.	Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) yang beralamat di Negeri Pulau Pinang di bawah Kod Bidang: 221002 dan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate – TCC) yang masih sah dan berstatus “PATUH”	KEHADIRAN: WAJIB Tarikh: 11 Ogos 2026 (Selasa) Masa: 10.00 pagi (Kaunter pendaftaran dibuka pada jam 9.15 pagi) Lokasi: Bilik Mutiara, Stesen Bawah Bukit Bendera Jalan Stesen Bukit Bendera, 11500 Ayer Itam, Pulau Pinang. *Dokumen Sebut harga hanya akan dijual kepada penyebut harga yang hadir lawatan tapak	Tarikh Mula Jual Dokumen: 11 Ogos 2026 RM10.00 (Dokumen boleh dimuat turun dalam Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP))	18 Ogos 2026 (Selasa) 12.00 Tengah Hari Lokasi Penghantaran : Peti Sebut Harga, Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, 11500 Ayer Itam, Pulau Pinang.

- Kontraktor yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri **SESI TAKLIMAT** dan **LAWATAN TAPAK** pada tarikh, masa dan alamat seperti di atas. Hanya penama di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan (**MOF**) sahaja yang layak menghadiri sesi lawatan tapak. Surat perwakilan kuasa adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Kontraktor dikehendaki membawa bersama **SIJIL ASAL** (untuk pengesahan) dan Salinan (tidak akan dikembalikan) bagi **SIJIL SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)** dan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF)** di bawah kod bidang yang dinyatakan yang masih sah tempohnya semasa lawatan tapak.
- Kontraktor yang hadir sesi taklimat hendaklah mematuhi semua peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (Akta KKP 1994) dan polisi keselamatan Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP).
- Dokumen sebut harga boleh dibeli melalui Sistem Perolehan (sysP). Semua Syarikat perlu mengisi dan mengembalikan Surat Akuan Pembida seperti di Lampiran dokumen Sebut harga. Dokumen Sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat : Unit Tender, Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang, Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, 11500 Ayer Itam, Pulau Pinang tidak lewat jam **12.00 tengahari** pada tarikh tutup sebut harga. sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
- Sebarang sebut harga yang berbentuk rasuah atau lain-lain dorongan yang mempengaruhi kedudukan penyebut harga akan menyebabkan sebut harga tersebut 'ditolak serta merta'. Pihak Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima semua tawaran atau sebahagiannya atau mana-mana tawaran yang terendah atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Segala kos penyediaan tawaran sebut harga ditanggung oleh syarikat.
- Keterangan lanjut boleh dihubungi di talian **04-828 8880 ext: 305/327** serta di laman web berikut <http://ep.penang.gov.my/> & <http://www.penanghill.gov.my/>